02 JAN 2001
Jelajah
HASAN NAWAWI MULAKAN JELAJAH DUNIA DENGAN BASIKAL

PORT DICKSON, 2 Jan (Bernama) -- Bekas Pegawai Daerah Port Dickson, Hasan Nawawi Abd Rahman, 46, yang ditemani adiknya Ahmad Ridhwan, 38, hari ini memulakan misi berbasikal mereka menjelajah dunia selama setahun.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad melepaskan mereka di Dataran Oceanic Mall, di sini, pada 6 petang sebelum kedua-dua beradik itu berbasikal mengelilingi bandar ini dengan diiringi kira-kira 100 penunggang basikal dan motosikal Vespa.

Esok, mereka akan memulakan perjalanan ke Perak sebelum singgah di Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki, Kampung Pandan, Kuala Lumpur, iaitu bekas sekolah Hasan.

Selepas itu, mereka dijadualkan singgah di Putrajaya untuk menemui Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali yang akan menyampaikan sumbangan RM10,000 daripada Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan (MAKSAK) dan Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

Hasan, anak kelahiran Kampung Suak Petai, Manong, Perak, mengambil cuti tanpa gaji selama setahun untuk melaksnakan impiannya menjelajah dunia itu.

Perjalanan antarabangsa mereka bermula di Bukit Kayu Hitam dan akan meliputi 25 negara di Asia dan Eropah dengan jarak keseluruhan ialah 23,880 kilometer.

Laluan pertama mereka ialah Thailand, Myanmar, Bangladesh, India, Pakistan, Iran, Turki, Bulgaria, Romania, Hungary, Bosnia, Croatia dan Austria yang dijangka dapat ditamatkan pada 8 Jun.

Laluan seterusnya ialah Jerman, Belgium, Perancis, England, Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan, Korea Utara, China, Vietnam, Laos dan kembali semula ke Thailand.

Hasan dan Ahmad Ridhwan dijangka kembali ke tanah air pada 24 Dis tahun ini.

Jika misi itu berjaya, Hasan bakal menjadi anak Malaysia pertama berbasikal mengelilingi dunia dan kejayaan itu layak dicatatkan dalam buku "Guiness Record of Malaysia" dan dunia.

Terdahulu, semasa berucap pada majlis itu, Hasan berkata hasratnya berbasikal mengelilingi dunia itu antara lain bertujuan mencari pengalaman dan menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed supaya rakyat memiliki semangat "Malaysia Boleh" serta memperkenal dan menaikkan nama Malaysia di seluruh dunia.

Mohamed Isa pula berkata hasrat Hasan itu menunjukkan kemampuan rakyat Malaysia untuk bersaing dan bersedia menghadapi cabaran dengan bangsa lain di dunia.

Pada majlis itu, Hasan turut menerima sumbangan dan barangan daripada penaja iaitu Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM56,000, Syarikat Kualiti Alam Sdn Bhd (RM35,000), Kerajaan Negeri Sembilan (RM20,000), Shell Refinery Port Dickson (RM5,000), IPP Port Dickson (RM5,000) dan lebih RM30,000 daripada beberapa penaja tempatan.

-- BERNAMA

RP NAK